



15 MAR, 2026

12 pelajar tahfiz belajar dalam 'gelap'

Metro Ahad, Malaysia



12 pelajar tahfiz belajar dalam 'gelap'

Kuala Lumpur: Seramai 12 pelajar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di sini terpaksa belajar dalam keadaan serba kekurangan selepas bekalan elektrik di premis berkenaan dipotong sejak empat bulan lalu.

Pengetuannya, Mohd Zahid Mahmood berkata, keadaan itu berlaku susulan tunggakan bil elektrik yang tidak mampu dijelaskan oleh pengurusan berikutan akaun bank pusat tahfiz itu masih dibekukan mahkamah.

Menurutnya, jumlah tunggakan bil elektrik mencecah antara RM60,000 hingga RM70,000 menyebabkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa memotong bekalan elektrik di premis berkenaan.

"Kita sudah berbincang dengan pihak TNB, tetapi jumlah tunggakan terlalu besar dan mereka meminta sekurang-kurangnya 70 peratus daripada jumlah itu dibayar terlebih dahulu.

"Dalam keadaan akaun bank masih dibekukan dan tiada sumber kewangan, memang sukar untuk kami menjelaskan bayaran berkenaan," katanya pada sidang media di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di sini, kelmarin.

Mohd Zahid berkata, sebelum ini beliau berharap isu pembekuan akaun dapat diselesaikan selepas keputusan Mahkamah Tinggi pada Februari lalu supaya bayaran bil dapat dijelaskan.

Namun katanya, proses perundangan yang masih berjalan menyebabkan pe-

ngurusan tahfiz berkenaan belum dapat mengakses dana bagi menyelesaikan tunggakan bil.

Katanya, ketiadaan bekalan elektrik memberi kesan kepada sesi pembelajaran pelajar yang terpaksa dijalankan secara terhad.

Beliau berkata, pelajar masih meneruskan pengajian seperti biasa, namun beberapa aktiviti terpaksa dilakukan dalam keadaan serba kekurangan.

"Pelajar masih belajar seperti biasa, tetapi keadaan memang agak mencabar kerana kemudahan elektrik sangat terhad.

"Kami cuba sedaya upaya memastikan pengajian mereka tetap berjalan walaupun dalam keadaan serba kekurangan," katanya.

Mahkamah Tinggi di sini pada 10 Februari lalu menolak tuntutan 17 anggota keluarga mangsa kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dan 14 bekas pelajarnya selaku plaintif terhadap ganti rugi trauma, kecederaan dan gangguan emosi serta tuntutan wang derma yang diperoleh pusat tahfiz itu daripada orang awam.

Pihak plaintif kemudian memfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah berhubung tuntutan wang derma berkenaan.

Sementara itu, peguam, Najib Zakaria yang mewakili Mohd Zahid berkata, buat masa ini, Mahkamah Tinggi membenarkan perintah injunksi secara interim bagi mengekalkan pembekuan akaun bank yang mengandungi wang derma berkenaan.